

# Tindakan tegas banteras pelacuran di rumah urut

Saya merujuk laporan *BH* mengenai isu di sebalik rumah urut berlesen yang membabitkan wanita Muslim dan aktiviti pelacuran semakin berleluasa. Masalah ini semakin meningkat dan membimbangkan terutama dalam kalangan wanita Muslim.

Maklumat yang dikeluarkan oleh pihak *BH* berdasarkan sumber Barisan Nasional (BN) Selangor, berkaitan rumah urut yang beroperasi tanpa kelulusan di situ amat merisaukan.

Sudahlah jumlah rumah urut yang beroperasi begitu banyak, malah tidak mempunyai kelulusan lesen yang disahkan.

## Bilangan pusat hiburan, rumah urut bertambah

Bilangan pusat hiburan dan rumah urut di Selangor dilaporkan meningkat sejak tahun 2008. Walaupun lesen baharu tidak dikeluarkan, difa-

hamkan kebanyakannya pusat berkenaan beroperasi tanpa lesen.

Lebih parah lagi, masalah yang timbul pada masa kini adalah pemilik premis menyalahgunakan lesen yang dikeluarkan pihak berkuasa dengan menggunakan perkhidmatan pelacuran.

EXCO Kerajaan Tempatan, Kajian dan Penyelidikan, Datuk Teng Chang Kim, mengakui Selangor mempunyai bilangan rumah urut dan pusat hiburan yang banyak meskipun kerajaan negeri tidak lagi mengeluarkan lesen baharu.

Antara langkah yang perlu diambil bagi mengelakkan masalah ini berlaku termasuk membekukan lesen pusat hiburan dan rumah urut selain mengenakan tindakan tegas terhadap pemilik.

Kerajaan negeri juga perlu bersikap tegas terhadap pemilik yang sedia ada dalam usaha



Premis yang menyalah guna lesen dengan menawarkan kegiatan pelacuran perlu dikenakan tindakan tegas.

[GAMBAR HIASAN]

membanteras maksiat.

## Sita premis

Tambahan lagi, tindakan kompaun ke atas premis berlesen yang menjalankan perniagaan dengan menawarkan perkhidmatan seks adalah dengan melaksanakan tindakan sitaan dengan menyita peralatan di premis berkenaan.

Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) juga harus mengkaji semula syarat kelulusan lesen dan melaksanakan operasi bersepadu bersama agensi kerajaan.

Bagaimanapun, PBT berusaha mengatasinya dengan membuat permohonan kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB) untuk memotong bekalan elektrik ke premis terbabit.

Bagi mengatasi masalah rumah urut ini, pihak berkuasa dan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) perlu berganding bahu bagi membanters kegiatan pelacuran dan khidmat seks di rumah urut terbabit.

**Yusniza Fazlini Mohd Yusof,**  
Universiti Sains Islam Malaysia